



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**  
**BAHAGIAN OPERASI KEBOMBAAN DAN PENYELAMAT**  
*Fire and Rescue Department of Malaysia*  
Lebu Wawasan, Presint 7  
62250 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Telefon: 603-8892 7600  
Faks: 603-8888 9127  
Portal Rasmi: [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
Emel: [operasi@bomba.gov.my](mailto:operasi@bomba.gov.my)

Ruj. Kami : JBPM/IP/OPS:600 – 1/1/3 (71)

Tarikh : 14 Julai 2020

## SEPERTI SENARAI EDARAN DI LAMPIRAN A

YS Dato' / Tuan,

### EDARAN PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 3 TAHUN 2020 – KEMALANGAN YANG MELIBATKAN KENDERAAN JABATAN (PINDAAN)

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini telah mengeluarkan suatu Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 3 Tahun 2020 - Kemalangan Yang Melibatkan Kenderaan Jabatan (Pindaan) bagi tujuan penambahbaikan arahan berkaitan yang sediada.

3. Sehubungan dengan itu, dilampirkan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 3 Tahun 2020 - Kemalangan Yang Melibatkan Kenderaan Jabatan (Pindaan) untuk perhatian serta tindakan YS Dato' / Tuan.

Sekian terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(NOR HISHAM BIN MOHAMMAD)

Pengarah  
Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k.

- i. YAS KP
- ii. YAS TKP (O)
- iii. YAS TKP (P)

**‘CEPAT DAN MESRA’**





## LAMPIRAN A

### SENARAI EDARAN

1. YS Pengarah, Bahagian Keselamatan Kebakaran
2. YS Pengarah, Bahagian Penyiasatan Kebakaran
3. YS Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
4. YS Pengarah, Bahagian Pembangunan
5. YS Pengarah, Bahagian Latihan
6. YS Pengarah, Bahagian Udara
7. Pengarah, Bahagian Pengurusan
8. YS Pengarah, Bahagian Pengurusan Korporat
9. Pengarah, Bahagian Kejuruteraan Jentera
10. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P. Kuala Lumpur
11. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor
12. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor
13. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sarawak
14. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak
15. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sabah
16. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kedah
17. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang
18. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pahang
19. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan
20. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan
21. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka
22. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Terengganu
23. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perlis
24. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P. Putrajaya
25. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P. Labuan
26. YS Komandan, ABPM Wilayah Tengah



27. YS Komandan, ABPM Wilayah Timur
28. YS Komandan, ABPM Wilayah Utara
29. YS Komandan, ABPM Wilayah Sabah
30. YS Komandan, ABPM Wilayah Sarawak
31. Pegawai Memerintah Pengkalan Udara Subang
32. Pegawai Memerintah Pengkalan Udara Bertam
33. Ketua Unit Integriti
34. Ketua Unit Kompetensi
35. Ketua Unit Pengesan





## **JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

---

### **PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 3 TAHUN 2020**

---

#### **KEMALANGAN YANG MELIBATKAN KENDERAAN JABATAN (PINDAAN)**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 3 Tahun 2020 ini bertujuan untuk menambahbaik tatacara pengurusan kejadian kemalangan yang melibatkan semua jenis kenderaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 **Perintah Tetap Jabatan Bilangan 3 Tahun 2013** telah digunapakai sejak tahun 2013 bagi mengendalikan kes-kes kemalangan yang melibatkan kenderaan jabatan.
- 2.2 Pindaan tahun 2020 ini bertujuan meminda nilai anggaran kerosakan akibat kemalangan kenderaan jabatan bagi penubuhan pasukan penyiasatan kemalangan peringkat negeri dan ibu pejabat.
- 2.3 Selain itu, Perintah Tetap ini memberikan panduan yang lebih jelas dan terperinci dengan berpandukan kepada pekeliling dan punca kuasa yang terkini, bagi membantu JBPM menyelesaikan urusan pengurusan dan penyiasatan kemalangan yang melibatkan kenderaan jabatan.



### 3.0 TAFSIRAN

- 3.1 **Ketua Jabatan** – bermaksud Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Bahagian, Ketua Unit, Pengarah Negeri, Komandan.
- 3.2 **Pasukan penyiasat kemalangan** - bermaksud Pegawai-pegawai kanan JBPM yang dilantik oleh Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat atau Pengarah Negeri untuk menjalankan siasatan ke atas kes-kes kemalangan yang melibatkan kenderaan bomba.
- 3.3 **Pemandu** - bermaksud pemandu kenderaan kerajaan tidak termasuk pemandu-pemandu yang bukan pegawai kerajaan seperti yang dilantik sendiri oleh pegawai yang layak menerima kenderaan untuk kegunaan sendiri.
- 3.4 **Pegawai Kanan Jabatan** – bermaksud Pegawai Bomba Gred KB 29 dan ke atas.
- 3.5 **Pegawai Kanan Kejuruteraan** – bermaksud Penolong Jurutera J29 dan ke atas
- 3.6 **Urusetia Ibu Pejabat** – bermaksud Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat Ibu Pejabat.
- 3.7 **Urusetia Negeri** - bermaksud Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat Negeri.

### 4.0 PELAKSANAAN

- 4.1 **TINDAKAN AWAL PEMANDU APABILA BERLAKU KEMALANGAN YANG MELIBATKAN KENDERAAN JABATAN**



- 4.1.1 Melaporkan kejadian kemalangan tersebut ke balai polis berhampiran di dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian berlaku;
- 4.1.2 Setiap pemandu yang terlibat dengan kemalangan adalah dikehendaki untuk mengambil gambar-gambar di lokasi kejadian kemalangan tersebut. Sekiranya penumpang dan pemandu mengalami kecederaan, pengsan atau meninggal dunia, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan gambar-gambar kemalangan daripada pihak PDRM di dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian berlaku;
- 4.1.3 Mendapatkan **Borang Laporan Kemalangan Kenderaan Kerajaan AM 362A** daripada pihak PDRM (Lampiran 'A');
- 4.1.4 Mendapatkan **Borang Laporan Kerosakan AM 362B** daripada pihak PDRM (Lampiran 'B') dan dihantar bersama kenderaan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk dibuat pemeriksaan dan penilaian;
- 4.1.5 Memberikan laporan secara lisan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan bertulis dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian berlaku kepada Ketua Jabatan dengan mengisi Laporan Awal Kemalangan Kenderaan Jabatan oleh Ketua Jabatan **Borang-LAKK 1/13** (Lampiran 'C');
- 4.1.6 Sekiranya pemandu tidak berdaya, adalah menjadi tanggungjawab penumpang iaitu pegawai terkanan atau pegawai lain yang bersama-sama menaiki kenderaan berkenaan untuk mengambil tindakan-tindakan di atas. Sekiranya penumpang dan



pemandu mengalami kecederaan, pengsan atau meninggal dunia, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab melaporkan perihal kemalangan kepada PDRM di dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian berlaku. Apabila pemandu atau penumpang telah sedar atau pulih dan boleh menjalankan tugas semula, beliau hendaklah membuat laporan kepada Ketua Jabatan dengan kadar segera;

## 4.2 TINDAKAN KETUA JABATAN

### 4.2.1 Laporan Awal

4.2.1.1 Memberi laporan secara lisan dengan serta merta dan laporan bertulis kepada Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), dan Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, dan dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas kejadian.

4.2.1.2 Penolong Pengarah Bahagian Kejuruteraan Jentera Negeri hendaklah melaporkan dengan segera kepada Pengarah Kejuruteraan Jentera juga dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas kejadian berlaku;

4.2.1.3 Laporan Awal Kemalangan Kenderaan Jabatan oleh Ketua Jabatan **Borang-LAKK 1/13** hendaklah dikemukakan dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas kejadian berlaku.

4.2.1.4 Menyampaikan maklumat-maklumat berikut dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh berlakunya kemalangan;

- i. Laporan PDRM beserta gambar-gambar;



- ii. Mengisi **Borang Laporan Kemalangan Kenderaan Kerajaan Borang AM 362A** (Lampiran 'A');
- iii. Laporan jurutera yang mengandungi maklumat-maklumat dan pendapat seperti **Laporan Jurutera Jentera**;
- iv. **Borang Laporan Kerosakan Am 362B** (Lampiran 'B');
- v. **Laporan Awal Kemalangan Kenderaan (Borang - LAKK 1/13)** Jabatan oleh Ketua Jabatan yang telah diisi (Lampiran 'C');
- vi. **Laporan Perubatan** mangsa-mangsa kemalangan; dan (jika ada)
- vii. Maklumat-maklumat lain yang bersabit dengan kemalangan (contoh **salinan kad pengenalan / lesen memandu dan geran kenderaan** orang awam yang terlibat dengan kemalangan tersebut).
- viii. Sesalinan maklumat-maklumat berkaitan juga hendaklah dikemukakan kepada Urusetia Ibu Pejabat untuk makluman dan tindakan selanjutnya

**kepada:**

- (a) Bahagian Undang-Undang, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 19, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya; dan



(b) Bahagian Pengurusan Aset Awam,  
Kementerian Kewangan Malaysia, No. 5  
Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat  
Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62592  
WP Putrajaya

4.2.1.5 Sekiranya dokumen seperti di para 4.2.1.4 tidak dapat dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan, Ketua Jabatan hendaklah memaklumkan kelewatan tersebut kepada Bahagian Undang-undang KPKT dan Bahagian Pengurusan Aset Awam, KKM pada atau sebelum hari ketiga puluh itu dan disalinkan kepada Ketua Pengarah.

#### 4.3 PENUBUHAN PASUKAN PENYIASAT KEMALANGAN

##### 4.3.1 Kemalangan Kenderaan Jabatan di Negeri

4.3.1.1 Bagi semua jenis kemalangan kenderaan jabatan di negeri, suatu **siasatan dalaman peringkat negeri** hendaklah dimulakan di dalam tempoh dua (2) hari selepas kemalangan berlaku dan laporan pasukan penyiasat kemalangan sebanyak tiga (3) salinan hendaklah dikemukakan kepada Urusetia Ibu Pejabat di dalam masa empat belas (14) hari selepas tarikh siasatan selesai untuk tindakan lanjut. Pasukan Penyiasat Kemalangan bagi siasatan dalaman boleh dilantik seperti para 4.3.1.2

##### **Pasukan Penyiasat Kemalangan Negeri**

4.3.1.2 Bagi kejadian kemalangan kenderaan jabatan di negeri yang melibatkan anggaran kos pembaikan di bawah lima puluh ribu (RM50,000.00), satu pasukan penyiasat



kemalangan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai kanan jabatan dan seorang (1) pegawai kanan kejuruteraan hendaklah ditubuhkan dan dilantik oleh Pengarah Negeri seperti berikut:

- i. Timbalan Pengarah Negeri (Pengerusi);
- ii. Penolong Pengarah Operasi Negeri / pegawai kanan jabatan (Ahli);
- iii. Penolong Pengarah Bahagian Kejuruteraan (Ahli) / pegawai kanan kejuruteraan; dan
- iv. Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat Negeri akan bertindak sebagai Urusetia Negeri dan bertanggungjawab untuk menyelaras pelantikan pegawai-pegawai yang akan menganggotai pasukan penyiasat tersebut.

#### **Pasukan Penyiasat Kemalangan Ibu Pejabat**

- 4.3.1.3 Bagi kejadian kemalangan kenderaan jabatan di negeri yang melibatkan anggaran kos pembaikan melebihi lima puluh ribu (RM50,000.00) atau melibatkan **isu sensitif seperti kematian** sama ada daripada kalangan anggota atau orang awam, satu pasukan penyiasat kemalangan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai kanan jabatan dan seorang (1) pegawai kanan kejuruteraan hendaklah ditubuhkan dan dilantik oleh Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah atau Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat.



- i. Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat Ibu Pejabat akan bertindak sebagai urusetia dan bertanggungjawab untuk menyelaras pelantikan pegawai-pegawai yang akan menganggotai pasukan penyiasat tersebut.

#### **4.3.2 Kemalangan Kenderaan Jabatan di Ibu Pejabat**

4.3.2.1 Bagi semua jenis kemalangan kenderaan jabatan di Ibu Pejabat, satu pasukan penyiasat kemalangan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai kanan jabatan dan seorang (1) pegawai kanan kejuruteraan hendaklah ditubuhkan dan dilantik oleh Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah atau Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat.

- i. Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat Ibu Pejabat akan bertindak sebagai urusetia dan bertanggungjawab untuk menyelaras pelantikan pegawai-pegawai yang akan menganggotai pasukan penyiasat tersebut.

#### **4.4 MENJALANKAN SIASATAN**

4.4.1 Pasukan Penyiasatan Kemalangan hendaklah memulakan siasatan dalam tempoh dua (2) hari selepas kemalangan berlaku dan laporan pasukan penyiasat kemalangan sebanyak tiga (3) salinan berwaran hendaklah dikemukakan segera kepada Urusetia Negeri / Urusetia Ibu Pejabat dalam masa empat belas (14) hari selepas tarikh siasatan selesai untuk tindakan lanjut.



4.4.2 Penyiasatan kemalangan kenderaan jabatan boleh menggunakan **Borang Soal Siasat Kemalangan Kenderaan** bagi Pemandu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia iaitu Borang-SSKK (Lampiran 'E') sebagai panduan penyiasatan kemalangan yang dijalankan.

4.4.3 Penyiasatan kemalangan kenderaan jabatan boleh juga menggunakan **Borang Perakaman Keterangan Kemalangan Kenderaan Bagi Saksi-Saksi iaitu Borang-PKKKS** (Lampiran 'F') sebagai panduan penyiasatan kemalangan yang dijalankan.

#### 4.5 TINDAKAN URUSETIA IBU PEJABAT

4.5.1 Mengeluarkan surat lantikan pasukan penyiasat kemalangan peringkat ibu pejabat.

4.5.2 Menerima laporan lengkap dari pasukan penyiasat kemalangan yang mengandungi butiran-butiran seperti yang diperincikan di Senarai Semak Laporan Penyiasatan Kemalangan Kenderaan - Lampiran 'G'.

4.5.3 Menyiapkan minit ringkas laporan kemalangan jabatan termasuk tarikh, masa, alamat kemalangan, maklumat pemandu, maklumat kenderaan, maklumat kerosakan, syor pasukan penyiasat kemalangan untuk semakan dan ulasan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat.

4.5.4 Mendapatkan ulasan penuh daripada Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat.



4.5.5 Mengeluarkan surat / memo bagi tindakan lanjut kepada Bahagian Pengurusan Ibu Pejabat, Pengarah Bahagian Kejuruteraan dan Pengarah Negeri.

4.5.6 Merekodkan semua maklumat ke fail kemalangan kenderaan jabatan.

#### 4.6 TINDAKAN URUSETIA NEGERI

4.6.1 Membantu melaksanakan tindakan awal seperti pada perkara 4.2 **Tindakan Ketua Jabatan.**

4.6.2 Mengeluarkan surat lantikan pasukan penyiasat kemalangan peringkat negeri dalam dua (2) hari dari tarikh kemalangan berlaku.

4.6.3 Menerima laporan lengkap dari pasukan penyiasat kemalangan yang mengandungi butiran-butiran seperti yang diperincikan di Senarai Semak Laporan Penyiasatan Kemalangan Kenderaan - Lampiran 'G'.

4.6.4 Menghantar tiga (3) salinan laporan lengkap siasatan berwarna ke Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kemalangan berlaku.

4.6.5 Mengambil tindakan lanjut berdasarkan surat yang diterima daripada dari Urusetia Ibu Pejabat setelah selesai ulasan diterima daripada Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat.

4.6.6 Merekodkan semua maklumat ke fail kemalangan kenderaan jabatan.



#### **4.7 LAPORAN SUKU TAHUN KEMALANGAN KENDERAAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

4.7.1 Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan maklumat kemalangan kenderaan jabatan pada atau sebelum 7 haribulan setiap suku tahun (pada bulan Januari, April, Julai dan Oktober) kepada Urusetia Ibu Pejabat.

4.7.2 Maklumat kemalangan kenderaan jabatan hendaklah menggunakan format **Laporan Bulanan Kemalangan Kenderaan JBPM - LKK 2/13** (Lampiran 'D').

#### **4.8 PEMBAIKAN KENDERAAN**

4.8.1 Tiada sesiapa dibenarkan sama sekali membaiki apa-apa kerosakan terhadap kenderaan yang mengalami kemalangan sehingga urusan yang berkaitan selesai dijalankan.

4.8.2 Kebenaran pembaikan kenderaan hanya boleh dilakukan setelah mendapat kebenaran bertulis dari Urusetia Ibu Pejabat.

#### **4.9 TINDAKAN TATATERTIB TERHADAP PEMANDU**

4.9.1 Semua pemandu yang terlibat dengan kemalangan boleh didakwa di Mahkamah bersabit kesalahan jalanraya.

4.9.2 Tindakan tatatertib boleh juga diambil ke atas pemandu yang didapati bersalah berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.



## 5.0 PEMAKAIAN

- 5.1 Perintah Tetap Ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Malaysia W.P. 4.2/2013 (Kemalangan Yang Melibatkan Kenderaan Kerajaan Malaysia).
- 5.2 Perintah Tetap Ketua Pengarah ini hendaklah digunapakai dan dipatuhi oleh semua pegawai serta kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam menguruskan kemalangan melibatkan kenderaan jabatan.

## 6.0 TARIKH BERKUATKUASA


Perintah Tetap ini berkuatkuasa pada **tarikh ianya ditandatangani.**

## 7.0 PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Perintah Tetap Ketua Pengarah terbaru ini, maka **Perintah Tetap Jabatan Bilangan 3 Tahun 2013 Kemalangan Yang Melibatkan Kenderaan Jabatan** dan **Para 24. Arahan Tetap Jabatan Bilangan 1 Tahun 2009 Pengurusan Kenderaan Jabatan** yang dikeluarkan sebelum ini adalah dianggap **terbatal.**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' MOHAMMAD HAMDAN BIN HAJI WAHID)**


Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh: 10. 07. 2020




## CARTA ALIR 1: TINDAKAN APABILA BERLAKU KEMALANGAN MELIBATKAN KENDERAAN JABATAN






## CARTA ALIR 2: PENYIASATAN KEMALANGAN MELIBATKAN KENDERAAN JABATAN (NEGERI)





### CARTA ALIR 3: PENYIASATAN KEMALANGAN MELIBATKAN KENDERAAN JABATAN (IBU PEJABAT / AKADEMI)





**LAMPIRAN A****AM 362A****BORANG LAPORAN KEMALANGAN KENDERAAN KERAJAAN**

|                                                |                                                                                                                                                                                                                                                                          |                                       |        |             |      |                   |     |  |     |  |                   |  |         |  |           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |  |        |  |      |  |     |  |     |  |                   |  |         |  |                                                |
|------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|--------|-------------|------|-------------------|-----|--|-----|--|-------------------|--|---------|--|-----------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|--------|--|------|--|-----|--|-----|--|-------------------|--|---------|--|------------------------------------------------|
| Pelanggaran                                    | Tarikh : Waktu : Tempat :                                                                                                                                                                                                                                                |                                       |        |             |      |                   |     |  |     |  |                   |  |         |  |           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |  |        |  |      |  |     |  |     |  |                   |  |         |  |                                                |
| No. Aduan PDRM                                 | Nama Pemandu Kenderaan Kerajaan                                                                                                                                                                                                                                          |                                       |        |             |      |                   |     |  |     |  |                   |  |         |  |           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |  |        |  |      |  |     |  |     |  |                   |  |         |  |                                                |
| Balai PDRM                                     | No. K.P. .... No. dan Kelas Lesen<br>Memandu .....<br>Kementerian ..... Jabatan .....<br><br>Bahagian .....<br>Nama Kelindan ..... No. K.P. ....                                                                                                                         |                                       |        |             |      |                   |     |  |     |  |                   |  |         |  |           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |  |        |  |      |  |     |  |     |  |                   |  |         |  |                                                |
| Pegawai Penyiasat                              | <b>Kenderaan Kerajaan</b>                                                                                                                                                                                                                                                | <b>Berlanggar Dengan</b>              |        |             |      |                   |     |  |     |  |                   |  |         |  |           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |  |        |  |      |  |     |  |     |  |                   |  |         |  |                                                |
| Nama :                                         | No. Pendaftaran                                                                                                                                                                                                                                                          | No. Pendaftaran                       |        |             |      |                   |     |  |     |  |                   |  |         |  |           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |  |        |  |      |  |     |  |     |  |                   |  |         |  |                                                |
| Nombor :                                       | <table border="1"><tr><td></td><td>Kereta</td></tr><tr><td></td><td>Lori</td></tr><tr><td></td><td>Bas</td></tr><tr><td></td><td>Van</td></tr><tr><td></td><td>Motorsikal/Skuter</td></tr><tr><td></td><td>Basikal</td></tr><tr><td></td><td>Lain-lain</td></tr></table> |                                       | Kereta |             | Lori |                   | Bas |  | Van |  | Motorsikal/Skuter |  | Basikal |  | Lain-lain | <table border="1"><tr><td></td><td>Kereta</td></tr><tr><td></td><td>Lori</td></tr><tr><td></td><td>Bas</td></tr><tr><td></td><td>Van</td></tr><tr><td></td><td>Motorsikal/Skuter</td></tr><tr><td></td><td>Basikal</td></tr><tr><td></td><td>Lain-lain (nyatakan nama Kenderaan hartabenda)</td></tr></table> |  | Kereta |  | Lori |  | Bas |  | Van |  | Motorsikal/Skuter |  | Basikal |  | Lain-lain (nyatakan nama Kenderaan hartabenda) |
|                                                | Kereta                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                       |        |             |      |                   |     |  |     |  |                   |  |         |  |           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |  |        |  |      |  |     |  |     |  |                   |  |         |  |                                                |
|                                                | Lori                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                       |        |             |      |                   |     |  |     |  |                   |  |         |  |           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |  |        |  |      |  |     |  |     |  |                   |  |         |  |                                                |
|                                                | Bas                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                       |        |             |      |                   |     |  |     |  |                   |  |         |  |           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |  |        |  |      |  |     |  |     |  |                   |  |         |  |                                                |
|                                                | Van                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                       |        |             |      |                   |     |  |     |  |                   |  |         |  |           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |  |        |  |      |  |     |  |     |  |                   |  |         |  |                                                |
|                                                | Motorsikal/Skuter                                                                                                                                                                                                                                                        |                                       |        |             |      |                   |     |  |     |  |                   |  |         |  |           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |  |        |  |      |  |     |  |     |  |                   |  |         |  |                                                |
|                                                | Basikal                                                                                                                                                                                                                                                                  |                                       |        |             |      |                   |     |  |     |  |                   |  |         |  |           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |  |        |  |      |  |     |  |     |  |                   |  |         |  |                                                |
|                                                | Lain-lain                                                                                                                                                                                                                                                                |                                       |        |             |      |                   |     |  |     |  |                   |  |         |  |           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |  |        |  |      |  |     |  |     |  |                   |  |         |  |                                                |
|                                                | Kereta                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                       |        |             |      |                   |     |  |     |  |                   |  |         |  |           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |  |        |  |      |  |     |  |     |  |                   |  |         |  |                                                |
|                                                | Lori                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                       |        |             |      |                   |     |  |     |  |                   |  |         |  |           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |  |        |  |      |  |     |  |     |  |                   |  |         |  |                                                |
